



26 Nov 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: Lum Chee Hong • Section: Ekonomi • Page: B6 • Printed Size: 288.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,927.61
PR value: MYR 29,782.83 • Item ID: MY0024555119

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

MSM teroka pasaran Indonesia, Sri Lanka

» *Ceburi aktiviti perdagangan, perniagaan peringkat huluun*

Oleh Lum Chee Hong

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula halus terbesar di Malaysia, bercadang mempelbagaikan lagi aliran pendapatannya dengan menceburি aktiviti perdagangan dan perniagaan peringkat huluun berkaitan gula mulai tahun depan.

Bagi perniagaan huluun, syarikat itu bercadang meneroka pasaran gula Indonesia dan Sri Lanka dalam masa terdekat, didorong kenaikan harga gula mentah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata pihaknya sedang berbincang dengan beberapa syarikat bagi tujuan itu.

“Namun, saya beritahu jika mahu ke perniagaan huluun, ia bukan hanya pergi ke sana dan membeli sebuah syarikat.

“Ini kerana perbelanjaan modal (capex) adalah sangat tinggi, kita perlu benar-benar pasti terlebih dahulu, tidak boleh aktif pelaburan sepanjang masa,” katanya pada sidang media selepas taklimat media mengenai prestasi suku ketiga di Kuala Lumpur, sema-

lam.

Mengulas lanjut, Sheikh Awab berkata, syarikat itu menyasar untuk menghasilkan 1.3 juta tan gula mentah dan empat juta tan gula menjelang 2020.

“Kami mahu mengawal apa yang kita lakukan dan bukannya seperti pihak lain mengawal penetapan harga gula, sekali gus melengkapkan rantai perniagaan,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan harga gula mentah akan terus meningkat antara 16.5 sen hingga 17 sen.

Tahun mencabar

Mengenai prospek pasaran gula pada tahun depan, Sheikh Awab berkata, tahun 2016 dijangka amat mencabar, justeru syarikat itu mengambil langkah perlu untuk menangani halangan mendatang.

“Kita mesti mempunyai projek jangka panjang dan jangka pendek. Pada masa ini, kita lihat projek yang dapat menjana keuntungan dan menyumbang kepada pendapatan kumpulan,” katanya.

Dalam pada itu, Sheikh

Awab berkata, MSM akan membuka pejabat di Dubai pada 2 Januari ini dan pada masa sama, sebuah pejabat perwakilan di Jakarta, turut akan dibuka.

“Jadi, Dubai akan membalkan gula mentah ke Malaysia, manakala sebuah syarikat tempatan di Indonesia bertaraf dunia akan menyalurkan gula mentah dan gula di negara terbabit,” katanya.

Tingkat 31 peratus

Terdahulu, beliau mengumumkan MSM mencatat keuntungan sebelum cukai RM84.52 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2015, meningkat sebanyak 31 peratus daripada RM64.50 juta pada tempoh sama tahun lalu.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2015, keuntungan sebelum cukai kumpulan itu meningkat 17.1 peratus daripada RM239.50 juta kepada RM280.37 juta.

Prestasi kukuh ini adalah disebabkan oleh inisiatif kecekapan kos di seluruh kumpulan termasuk keuntungan melalui mekanisme pelindung nilai yang strategik.



26 Nov 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: Lum Chee Hong • Section: Ekonomi • Page: B6 • Printed Size: 288.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,927.61
PR value: MYR 29,782.83 • Item ID: MY0024555119

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



“

*Kita mesti
mempunyai
projek jangka
panjang dan
jangka pendek.
**Pada masa
ini, kita lihat
projek yang
dapat menjana
keuntungan
dan menyumbang
kepada
pendapatan
kumpulan”***

Sheikh Awab Sheikh Abod,
Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan MSM



26 Nov 2015
Berita Harian, Malaysia

Author: Lum Chee Hong • Section: Ekonomi • Page: B6 • Printed Size: 288.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,927.61
PR value: MYR 29,782.83 • Item ID: MY0024555119

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

DISCOVERED

Brand: MSM Malaysia Holdings Berhad
Company: MSM Malaysia Holdings Berhad
Industry: Cooking Ingredient > Bakery Supply
Category: Company News > General News

SUMMARIES

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula halus terbesar di Malaysia, bercadang mempelbagaikan lagi aliran pendapatannya dengan menceburi aktiviti perdagangan dan perniagaan peringkat huluun berkaitan gula mulai tahun depan. Bagi perniagaan huluun, syarikat itu bercadang meneroka pasaran gula Indonesia dan Sri Lanka dalam masa terdekat, didorong kenaikan harga gula mentah. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata pihaknya sedang berbincang dengan beberapa syarikat bagi tujuan itu.